

RM100j dirikan makmal InventQjaya

UM 18 JAN 2003

Oleh FARIDAH HITAM

CYBERJAYA 17 Jan. — Kerajaan memperuntukkan RM100 juta untuk mendirikan makmal InventQjaya bagi menjalankan projek-projek penyelidikan dan pembangunan (R&D).

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, peruntukan tersebut disediakan bagi membina makmal dan membeli peralatan, tetapi tidak melibatkan pembiayaan projek-projek R&D yang dijalankan.

"(Kajian penyelidikan) tidak akan dibiayai oleh kerajaan, sebaliknya makmal itu akan disewakan kepada syarikat-syarikat yang ber-

minat untuk melabur," katanya.

Perdana Menteri berkata demikian pada sidang akhbar selepas majlis pelancaran program Fast Track InventQjaya di bangunan Enterprise 3 di sini, hari ini.

Menurut Dr. Mahathir, makmal tersebut yang dijangka siap pada akhir tahun ini akan dibina di Cyberjaya.

Dr. Mahathir berkata, kerajaan juga bersedia untuk bekerjasama dengan makmal penyelidikan asing yang mampu menunjukkan hasil terbaik.

"Jika makmal-makmal asing itu mampu menunjukkan hasil terbaik, barulah Malaysia bersedia membuat pelaburan yang perlu dalam projek itu," katanya.

Perdana Menteri memberitahu bahawa Malaysia telah mendapat banyak manfaat daripada hasil kajian yang dilakukan oleh makmal-makmal penyelidikan asing.

Justeru, beliau berkata, kerajaan telah memujuk para penyelidik itu untuk datang ke Malaysia bagi meneruskan kajian mereka di sini.

Program Fast Track Makmal InventQjaya menggunakan teknologi milik Dr. Sadeg Mustafa Faris, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif syarikat Reveo Incorporated dari Amerika Syarikat.

Pelancaran program itu merupakan langkah pertama dalam penubuhan makmal bertaraf dunia untuk

mencipta, meneroka, membuat inovasi di Malaysia dengan menggunakan proses InventQbation, milik Reveo.

Makmal dan pusat pembangunan perniagaan ini bertujuan untuk menarik para petugas terbaik dan berpengetahuan tinggi dari Malaysia dan di seluruh dunia yang akan bertugas untuk membangunkan teknologi baru.

Kejayaan pelaksanaan InventQjaya oleh Reveo mampu meletakkan Malaysia sebagai pemimpin dunia dalam menjana, mengeluarkan dan mengeksport teknologi terkini.

Ini selaras dengan aspirasi Koridor Raya Multimedia untuk menjadi pusat aplikasi, ujian, kemajuan dan penemuan teknologi maklumat global.